



---

# **KERATAN AKHBAR DAN BERITA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**21 JULAI 2023 (JUMAAT)**



---

# **KERATAN AKHBAR (KPDN)**

---

**21 JULAI 2023 (JUMAAT)**

## Harga barang tidak naik melampau

**SUBANG JAYA** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengesahkan, tiada kenaikan melampau harga barang di pasaran ketika ini.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, harga sebanyak 11 barang keperluan asas yang dikawal oleh kerajaan seperti ayam tidak mengalami peningkatan.

"Kita sekali lagi ingin berkeyakinan kepada rakyat tentang 11 barang bersubsidi dikawal kerajaan. Hari ini (semalam) saya berada di pasar raya Mydin dan beberapa hari lepas saya pergi ke beberapa pasar raya lain.

"Dalam satu troli yang mengandungi beberapa bahan asas makanan lebih kurang 20 hingga 25 (beg plastik), purata pada harga RM200 lebih. Kita menyaksikan harga barang-barang asas tidak naik."

"Ini rakyat jangan bimbang. Tidak pernah naik (harga) barang bersubsidi yang kerajaan kawal. Bahkan di beberapa pasar raya seperti Mydin, ayam bulat dijual pada harga RM8.29 sen," katanya sempena Majlis Pelancaran Inisiatif Payung Rahmah Sempena Kempen 'Kasih Sayang Ibu dan Si Manja' di sini semalam.

Salahuddin berkata, harga barang-barang yang tidak kawal seperti sayur-sayuran termasuk sawi, tomato dan cili kembali stabil.

Kata beliau, cili merah sebagai contoh pernah mengalami kenaikan harga hingga RM30 sekilogram beberapa bulan lalu, kini turun antara RM12 hingga RM13 sekilogram.

"Harga ikan rakyat seperti ikan kembung telah stabil pada RM13 hingga RM14 (sekilogram). Bawang pada paras RM1.99. Ini menunjukkan barang asas dapat kita kawal dan tidak ada yang disebutkan sebagai kenaikan melampau," katanya.

Terdahulu, beliau memaklumkan, pasar raya Mydin mengadakan libat urus dengan 11 jenama multinasional bagi menjayakan Inisiatif Payung Rahmah sempena kempen 'Kasih Sayang Ibu dan Si Manja'.

Menurut beliau, inisiatif itu menyaksikan beberapa barang penting yang menjadi rungutan rakyat termasuk susu formula bayi ditawarkan pada harga diskon.

Jelas beliau, inisiatif itu sedikit sebanyak dapat membantu rakyat, sekaligus memberi keyakinan inisiatif Payung Rahmah akan dapat terus dilaksanakan ketika negara belum terlepas daripada isu kos sara hidup.

"Saya faham peningkatan harga barang import di peringkat global masih tidak mereda, tetapi dengan beberapa inisiatif ini kita telah dapat memberikan beberapa pilihan kepada rakyat untuk berbelanja," katanya.



SALAHUDDIN (tengah) merasmikan Pelancaran Inisiatif Payung Rahmah di Subang Jaya semalam. – AMIR KHALID



SEBUAH lori yang mempunyai tangki tambahan berisi minyak diesel bersubsidi ketika dirampas di Lunas, Kulim kelmarin.

## Lelaki ditahan cuba seleleweng 1,800 liter diesel

**KULIM** – Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menahan seorang lelaki tempatan dan merampas 1,800 liter diesel yang disyaki untuk diseleweng di sebuah stesen minyak di Lunas, di sini kelmarin.

Serbuan Ops Tiris itu dilakukan sepasukan penguat kuasa KPDN Cawangan Kulim hasil maklumat orang awam dan risikan dilakukan kira-kira pukul 5.50 petang.

Pengarah KPDN Kedah, Affendi Rajini Kanth berkata, serbuan mendapati terdapat sebuah lori jenis Isuzu yang sedang mengisi diesel bersubsidi di stesen minyak berkenaan.

"Hasil pemeriksaan awal menemui tangki tambahan yang diletakkan di dalam badan lori tersebut.

"Diesel yang diisi ke dalam tangki kenderaan itu disedut naik dengan menggunakan

pam ke dalam tangki tambahan," katanya dalam kenyataan semalam.

Kata beliau, lori berkenaan kemudian disita bersama 1,800 liter diesel yang telah diisi ke dalam tangki tambahan itu.

"Diesel yang dirampas dianggarkan bernilai RM3,870, manakala lori tersebut dianggarkan bernilai RM30,000," ujarnya.

Menurutnya, barang lain yang disita antaranya enam unit tangki intermediate bulk containers (IBC) dan satu unit hos berserta pam.

"Seorang lelaki warga tempatan berusia 41 tahun turut ditahan untuk siasatan lanjut," jelasnya.

Tambahnya, siasatan dijalankan di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 dan dibaca bersama Peraturan 3 (1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974.



---

---

## **BERITA ONLINE (KPDN)**

---

---

**21 JULAI 2023 (JUMAAT)**

BERITA ONLINE BERTARIKH 21 JULAI 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
21-Jul	Pasar raya Mydin tawar barang keperluan bayi bersubsidi RM600,000	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/07/20/pasar-raya-mydin-tawar-barang-keperluan-bayi-bersubsidi-rm600000/">https://www.kosmo.com.my/2023/07/20/pasar-raya-mydin-tawar-barang-keperluan-bayi-bersubsidi-rm600000/</a>	KOSMO
21-Jul	Mydin lancar kempen 'Kasih Sayang Ibu dan Si Manja'	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/269174">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/269174</a>	SH
21-Jul	Kerajaan jamin beri bantuan bekalan gula segera jika terima aduan	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/269186">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/269186</a>	SH
21-Jul	No Price Hikes For Govt-Controlled Goods, Cost Of Living: Minister	<a href="https://www.businesstoday.com.my/2023/07/20/no-price-hikes-for-govt-controlled-goods-cost-of-living-minister/">https://www.businesstoday.com.my/2023/07/20/no-price-hikes-for-govt-controlled-goods-cost-of-living-minister/</a>	BUSINESSTODAY
21-Jul	No price hikes for govt-controlled goods, cost of living minister says	<a href="https://www.malaysianow.com/news/2023/07/20/no-price-hikes-for-govt-controlled-goods-cost-of-living-minister-says">https://www.malaysianow.com/news/2023/07/20/no-price-hikes-for-govt-controlled-goods-cost-of-living-minister-says</a>	MALAYSIANOW
21-Jul	Lelaki ditahan cuba seleweng 1,800 liter diesel bersubsidi	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/07/20/lelaki-ditahan-cuba-seleweng-1800-liter-diesel-bersubsidi/">https://www.kosmo.com.my/2023/07/20/lelaki-ditahan-cuba-seleweng-1800-liter-diesel-bersubsidi/</a>	KOSMO
21-Jul	Op Tiris: lelaki ditahan disyaki seleweng minyak diesel	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/op-tiris-lelaki-ditahan-disyaki-seleweng-minyak-diesel/">https://www.buletintv3.my/nasional/op-tiris-lelaki-ditahan-disyaki-seleweng-minyak-diesel/</a>	BULETINTV3
21-Jul	Seleweng diesel subsidi, lelaki tempatan ditahan	<a href="https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/67723-seleweng-diesel-subsidi-lelaki-tempatan-ditahan">https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/67723-seleweng-diesel-subsidi-lelaki-tempatan-ditahan</a>	BERITARTM
21-Jul	KPDN Launches 'Kasih Sayang Ibu dan Si Manja' campaign at MYDIN supermarts	<a href="https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2208360">https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2208360</a>	BERNAMA
21-Jul	Kempen 'Kasih Sayang Ibu dan Si Manja' di bawah inisiatif Payung Rahmah dilancarkan	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2208421">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2208421</a>	BERNAMA

21-Jul	Mydin tawar barang bayi, kanak-kanak harga Rahmah	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutahir/2023/07/989770/mydin-tawar-barangan-bayi-kanak-kanak-harga-rahmah">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutahir/2023/07/989770/mydin-tawar-barangan-bayi-kanak-kanak-harga-rahmah</a>	HM
21-Jul	Kempen 'Kasih Sayang Ibu dan Si Manja' di bawah inisiatif Payung Rahmah dilancarkan	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kempen-kasih-sayang-ibu-dan-si-manja-di-bawah-inisiatif-payung-rahmah-dilancarkan-428974%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kempen-kasih-sayang-ibu-dan-si-manja-di-bawah-inisiatif-payung-rahmah-dilancarkan-428974%3famp=1</a>	ASTROAWANI
21-Jul	KPDN Launches 'Kasih Sayang Ibu dan Si Manja' campaign at MYDIN supermarkets	<a href="https://www.thesundaily.my/local/kpdn-launches-kasih-sayang-ibu-dan-si-manja-campaign-at-mydin-supermarts-BE11260089">https://www.thesundaily.my/local/kpdn-launches-kasih-sayang-ibu-dan-si-manja-campaign-at-mydin-supermarts-BE11260089</a>	THESUNDAILY
21-Jul	Tiada kenaikan harga barang	<a href="https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/67760-tiada-kenaikan-harga-barangan">https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/67760-tiada-kenaikan-harga-barangan</a>	BERITARTM
21-Jul	Salahuddin lancar 11 jenama barang bayi turun harga	<a href="https://harapandaily.com/salahudin-lancar-11-jenama-barangan-bayi-turun-harga/">https://harapandaily.com/salahudin-lancar-11-jenama-barangan-bayi-turun-harga/</a>	HARAPANDAILY
21-Jul	Salahuddin lancar 11 jenama barang bayi turun harga	<a href="https://vt.tiktok.com/ZSLmSwt5A/">https://vt.tiktok.com/ZSLmSwt5A/</a>	HARAPANDAILY